



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Sumbangan untuk persatuan orang buta

KUALA LUMPUR, Khamsia — Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah, menyeru orang ramai menghulurkan derma kepada pelbagai persatuan dalam negeri yang memerlukan.

Katanya, sumbangan yang diberikan bukan sahaja dapat meringankan beban persatuan-persatuan berkenaan, malah dapat menyelamatkan nyawa para pesakit yang terbahit.

Beliau berkata, pendanaan luas mengenai persatuan-persatuan itu patut dibuat oleh akhbar agar orang ramai mengetahui perkembangan persatuan itu dari masa ke masa.

Datin Seri Dr Siti Hasmah berucap demikian di majlis penyampaian cek \$60,000 tiap satu kepada lima buah persatuan di Berita Publishing di sini hari ini.

Persatuan-persatuan itu ialah Lions Lyfe-Line Leukemia Fund, The Haemophilia Society of Malaysia, The Malayan Association of the Blind, The Society for the Severely Mentally Retarded dan The Kuala Lumpur Home Nursing Service Association.

Sebanyak \$300,000 telah dikumpulkan oleh Her World Charity Fashion Gala Ketiga pada bulan Mei tahun ini.

● **KELUHATAN** Datik Seri Dr Siti Hasmah sedang menyampaikan sumbangan cek bernilai \$60,000 kepada Puan Vinnie Ng, wakil Persatuan Orang-Orang Buta Malaysia.